

Oleh Rizanizam Abdul Hamid
mrizanizam@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan menggesa rakyat negara ini supaya lebih proaktif dalam membanteras pembiakan nyamuk aedes yang bukan sahaja menyebabkan denggi, malah terbaru punca kepada virus Zika yang mencemaskan masyarakat dunia.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham berkata, ia selaras dengan keputusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mengisytiharkan virus Zika sebagai darurat kesihatan global dan memerlukan tindak balas yang diselaraskan di semua peringkat.

"Masyarakat negara ini perlu lebih bersungguh-sungguh dalam memerangi nyamuk aedes yang menjadi punca peneruan virus berkenaan.


"WHO sudah mengisytiharkan Zika sebagai darurat kesihatan global. Semoga ini akan memberi lebih rangsangan kepada kita untuk menghapuskan nyamuk aedes supaya dapat menangani kedua-dua penyakit, denggi dan Zika serentak," katanya menerusi Facebooknya (FB), semalam.

Beliau turut berkongsi kenyataan WHO berkenaan yang dilaporkan laman web BBC News melalui FBnya.

Sementara itu, laporan berkenaan menyebut, Ketua Pengarah WHO Margaret Chan menyifatkan Zika sebagai satu 'peristiwa yang luar biasa' dan

Virus Zika darurat kesihatan global

Rakyat digesa lebih proaktif banteras pembiakan nyamuk aedes



“WHO sudah isytiharkan Zika sebagai darurat kesihatan global. Semoga ini akan memberi lebih rangsangan untuk hapuskan nyamuk aedes supaya dapat menangani denggi dan Zika serentak”

Dr Noor Hisham

yes www.yes.my

Edisi Khas Tahun Baru Cina

11GB
RM 88

Tawaran Masa Terhad!

4G


Diterajui oleh YTL

VIRUS ZIKA

- Adalah virus bawaan nyamuk aedes
- Ditemui kali pertama di Uganda, sebuah negara di Afrika Timur pada 1947 yang dihidapi seekor monyet dalam kandang di Hutan Zika, dekat Danau Victoria.
- Kes manusia yang pertama dikesan di Nigeria pada 1954 sebelum merebak ke Afrika, Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik
- Sejak Brazil melaporkan kes pertama jangkitan tempatan virus pada bulan Mei 2015, ia merebak ke 21 negara dan wilayah
- Pertubuhan Kesihatan Pan Amerika (PAHO) menjangkakan virus Zika akan terus merebak dan mungkin akan mencapai semua negara di mana manusia sedia ditenggui

sindrom Guillain-Barre

- Kesan Microcephaly adalah kekal yang boleh mempengaruhi kualiti hidup bayi sehingga dewasa



PERANAN MASYARAKAT

Semua negara dari benua Amerika

di hospital juga dipertingkatkan

HASIL PEMANTAUAN KKM

• Sebanyak 288 sampel dari Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) diuji dan keputusannya negatif untuk virus Zika.

22 NEGARA MEMPUNYAI KES VIRUS ZIKA

• Berlaku di 22 negara dari rantau Amerika Latin iaitu Barbados, Bolivia, Brazil, Colombia, Republik Dominica, Ecuador, El Salvador, French Guiana, Guadeloupe, Guatemala, Guyana, Honduras, Martinique, Mexico, Panama, Paraguay, Puerto Rico, Saint Martin, Suriname, U S Virgin Islands, Venezuela dan Samoa

memerlukan maklum balas diselaraskan, selain turut meletakkan virus itu dalam kategori yang sama membimbangkan seperti Ebola.

“Saya kini mengisytiharkan bahawa penyakit yang turut dikaitkan dengan microcephaly iaitu kelahiran bayi dengan kepala serta otak mengecil yang dilaporkan di Amerika Latin sebagai

satu kecemasan kesihatan awam yang menjadi perhatian antarabangsa,” katanya.

Sebelum ini, WHO mengeluarkan amaran supaya negara beriklim tropika di Asia Tenggara bersiap sedia menghadapi penularan virus Zika bawaan nyamuk yang menjangkiti empat juta pen-

diduk di benua Amerika dan tidak mempunyai rawatan atau vaksin khusus.

Semalam, WHO turut berdebat jika wabak jangkitan virus Zika disyaki penyebab peningkatan kecacatan serius kelahiran di Amerika Selatan perlu dianggap safu kecemasan kesihatan global.



WHO keluar amaran negara beriklim tropika di Asia Tenggara bersiap sedia hadapi penularan.

nyamuk aedes ditemui.

- Jangkitan virus Zika sudah merebak dengan begitu pantas sekali di benua Amerika
- Penularan virus ini ke Malaysia adalah tinggi di atas faktor berikut:
 - Nyamuk pembawa jangkitan ini ialah aedes
 - Densiti nyamuk aedes di negara ini adalah sangat tinggi
 - Tiada kes di Malaysia, jadi rakyat Malaysia amnya tidak mempunyai imuniti terhadap penyakit ini. Ini bermakna virus ini boleh merebak dengan pantas
 - Seperti denggi, tiada vaksin dan ubat khusus untuk membunuh virus ini
 - Dianggarkan 80 peratus tidak menunjukkan gejala dijangkiti, menjadikan mereka menjadi 'pembawa yang sihat' dan menyebarkan virus ini tanpa disedari

SIMPTOM

- Menyebabkan demam ringan, ruam di badan dan sakit sendi berlarutan selama dua hari sehingga seminggu
- Ia dipandang serius kerana dikaitkan dengan kejadian microcephaly iaitu kelahiran bayi dengan kepala atau otak mengecil dan juga gejala saraf iaitu

- Semua pelawat dari benua Amerika Selatan dan Amerika Tengah serta rakyat Malaysia yang pulang dari benua berkenaan yang mempunyai gejala penyakit perlu melaporkan diri ke Pusat Kuarantin Kesihatan atau pejabat kesihatan berhampiran
- Wanita hamil dinasihat tidak melakukan lawatan ke 22 negara yang mempunyai kes virus
- Tidak berada di luar semasa waktu puncak gigitan aedes iaitu di awal pagi dan lewat petang
- Memakai pakaian yang menutupi anggota badan dan menggunakan ubat pencegahan gigitan secara tetap

PERANAN KERAJAAN

- Mengedarkan Nasihat Kesihatan kepada pelancong rakyat Malaysia berkenaan langkah yang perlu diambil
- Mengeluarkan 'Health Alert' kepada semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta
- Meningkatkan pemantauan di klinik dan hospital bagi kes yang mempunyai tanda-tanda Zika dan mempunyai sejarah perjalanan ke 22 buah negara yang melaporkan jangkitan virus Zika
- Pemantauan bagi kes microcephaly

KESAN ZIKA PADA DUNIA

• Ketika ini, hampir satu juta rakyat Brazil disahkan menghidapi virus Zika dan dijangka meningkat sehingga empat juta orang



NYAMUK species Aedes aegypti

Ganding bahu perangi aedes

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak meminta semua pihak sama ada agensi kerajaan mahupun swasta, badan bukan kerajaan serta rakyat keseluruhannya bersama-sama berganding bahu memerangi nyamuk aedes.

Perdana Menteri berkata, beliau sedia maklum masalah denggi di beberapa

kawasan di negara ini dan juga kerisauan mengenai virus Zika yang melanda banyak kawasan di rantau Amerika.

“Ejen penyebaran kedua-dua wabak demam denggi dan virus Zika adalah nyamuk aedes dan seperti yang kita sedia maklum, iklim di Malaysia adalah iklim bersesuaian un-

tuk pembiakan nyamuk aedes sekiranya tidak dipantau dengan teliti.

“Oleh itu, saya ingin supaya semua pihak sama ada agensi Kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) termasuk juga rakyat keseluruhannya, perlu sama-sama berganding bahu memerangi nyamuk aedes,” katanya.